

TEKS UCAPAN PTL SEMPENA HARI TLDM KE-83 PADA 27 APR 17

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Timbalan Panglima Tentera Laut, Panglima-Panglima, Laksamana-Laksamana, mantan-mantan Panglima Tentera Laut, veteran-veteran TLDM, pegawai-pegawai kehormat, Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan, serta *The Navy People* yang saya kasihi sekalian,

المسالام علیکم ورحمة اللہ وبرکاتہ

dan salam sejahtera.

1. Terlebih dahulu, marilah kita sedekahkan Al-Fatihah bagi yang beragama Islam dan tafakur bagi yang bukan beragama Islam kepada veteran ATM dan *The Navy People* yang telah pergi meninggalkan kita terlebih dahulu, Al-Fatihah.
2. Alhamdulillah kita dapat berkumpul pada pagi ini dan menyaksikan perbarisan yang berjalan lancar dan sempurna, syabas saya ucapkan kepada pegawai perbarisan dan seluruh kontinjen yang terlibat. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Ulang Tahun TLDM Ke-83 kepada seluruh warga *The Navy People*. Perbarisan pada kali ini juga buat julung kalinya dilaksanakan di luar dari Pangkalan TLDM Lumut yang menjadi lokasi tradisi sambutan Hari TLDM saban tahun.
3. Saya amat terharu dan berbangga melihat persembahan perbarisan yang mantap dan penuh bersemangat. Saya percaya,

The Navy People di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu ini telah bertungkus lumus melakukan persiapan bagi memastikan acara-acara Sambutan Hari TLDM Ke-83 dapat berjalan lancar. Saya juga ingin berterima kasih di atas bantuan dan sokongan agensi tempatan serta rakyat Sabah dan Sarawak kepada TLDM yang secara langsung membantu kami melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

4. Kejayaan dan pencapaian yang dinikmati TLDM pada hari ini adalah hasil kepimpinan dan usaha gigih mantan-mantan Panglima Tentera Laut, veteran TLDM dan segenap lapisan *The Navy People*. Sumbangan dan pengorbanan yang telah dicurahkan untuk TLDM pastinya akan terus segar dalam lipatan sejarah TLDM. Segenap lapisan *The Navy People* yang masih berkhidmat seharusnya perlu terus menghargai dan mengingati pengorbanan mereka yang tidak ternilai ini.

5. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Malaysia yang sentiasa menyokong TLDM dalam memastikan tahap kesiagaan armada sentiasa berada di tahap tertinggi pada sebilang masa. Walaupun berdepan dengan cabaran krisis ekonomi, pihak kerajaan masih komited dalam memastikan kesiagaan armada berada pada tahap yang tinggi dengan perolehan 6 buah kapal *Littoral Combat Ship* (LCS) dan 4

buah *Littoral Mission Ship* (LMS) yang bakal memasuki inventori TLDM mulai tahun 2019.

6. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan dan Kementerian Pertahanan di atas kesungguhan dan komitmen yang ditunjukkan dalam menyokong segala inisiatif yang diusulkan oleh TLDM untuk melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan. Secara peribadi, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan yang telah banyak menyokong usaha bagi menentukan Armada TLDM sentiasa siap siaga termasuk pelaksanaan Pelan Transformasi 15to5. Beliau juga telah banyak menyumbang dalam memastikan kebajikan veteran TLDM dan *The Navy People* sentiasa terjaga dengan pelaksanaan inisiatif *1Malaysia Veteran Recognition Programme* (1MVRP) serta inisiatif pembinaan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT). Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Panglima Angkatan Tentera yang sentiasa peka dalam memastikan bukan sahaja keperluan operasi, malah aspek kebajikan *The Navy People* sentiasa terjaga. Sekalung penghargaan juga buat Tentera Darat Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia di atas kolaborasi baik dan kerjasama yang ditunjukkan dalam membantu TLDM melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan.

The Navy People yang saya kasihi sekalian,

7. Sebagaimana yang saya telah nyatakan di dalam Perutusan Ulung pada 9 Januari yang lalu, saya telah gariskan 4 pengharapan yang menjadi keutamaan untuk memacu TLDM ke arah menjadi 'Angkatan Laut Yang Kredibel dan Versatil menjelang 2030'. Semasa Retreat Kementerian Pertahanan pada bulan Januari yang lalu, Yang Berhormat Menteri Pertahanan telah menekankan 5 teras utama dalam Hala Tuju Kementerian Pertahanan 2017 iaitu #Kesiapsiagaan, #Keselamatan, #Kebajikan, #Diplomasi Pertahanan dan #PLKN 2.0. Kesemua keutamaan dan teras yang digariskan adalah penting agar Angkatan Pertahanan Negara menjadi benteng yang kukuh serta berupaya mempamerkan keupayaan cegah rintang ATM.

8. **Pertama: TERAS KESIAPSIAGAAN.** TLDM dimandatkan untuk melaksanakan pengawasan berterusan di 12 kawasan operasi dan rondaan maritim bagi memperkasakan kedaulatan dan melindungi kepentingan maritim negara. Kawasan-kawasan operasi dan rondaan ini meliputi hampir keseluruhan perairan Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak. Sebagai perisai pertahanan maritim, TLDM sudah semestinya perlu memiliki aset-aset berkeupayaan melakukan misi atau keupayaan tempur yang kredibel dan disegani bagi mendukung Teras Kesiapsiagaan ini.

9. Justeru, TLDM kini sedang melaksanakan transformasi jangka panjang armada yang dikenali sebagai **Program Transformasi 15to5** merangkumi **penggantian aset-aset lama dengan aset**

baharu yang mempunyai kemampuan yang menyeluruh, berteknologi moden dan berkeupayaan melaksanakan tugas dan peranan untuk menjaga kedaulatan perairan negara. Dalam mengharungi cabaran ekonomi dan peruntukan bajet yang amat terhad ini, pelan transformasi yang dirancang ini menuntut komitmen yang tinggi segenap lapisan *The Navy People*. Ini memerlukan kita semua mengubah minda serta cara kita berfikir dan bekerja.

10. **Kedua: TERAS KESELAMATAN.** Teras keselamatan merupakan teras yang sangat kritikal dan perlu diberi perhatian yang sangat penting. Ancaman keselamatan maritim kini bukan hanya tertumpu di perairan Selat Melaka sahaja, malah turut meliputi perairan Laut China Selatan dan Laut Sulu di pantai timur Sabah. Ancaman keselamatan maritim juga bukan sekadar aktiviti pelanggaran undang-undang dan jenayah rentas sempadan di laut, malah ancaman keganasan juga perlu diberikan perhatian yang khusus. Sebagai benteng pertahanan maritim negara, TLDM perlu bekerja keras untuk memastikan tahap keselamatan perairan dan aset-aset serta infrastruktur maritim strategik negara sentiasa terjamin. Persekitaran maritim yang selamat adalah sangat penting bagi memastikan kegiatan ekonomi yang dapat memacu pertumbuhan ekonomi negara.

11. Ekoran peningkatan ancaman dan senario geo-strategik serta sejajar dengan Teras Keselamatan dalam Hala Tuju Kementerian Pertahanan ini, TLDM sedang melaksanakan transformasi struktur

organisasi daripada pemerintahan uni-wilayah kepada dwi-wilayah dengan mewujudkan Wilayah Pemerintahan Barat dan Wilayah Pemerintahan Timur. Wilayah Pemerintahan Barat akan berpusat di Pangkalan TLDM Lumut manakala Wilayah Pemerintahan Timur akan berpusat di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu. Pendekatan Pemerintahan Dua Wilayah TLDM akan melibatkan pembahagian Kawasan Tanggung Jawab (KTJ) operasi maritim di antara wilayah yang lebih seimbang. Ia akan memantapkan perintah dan kawalan sedia ada bagi meningkatkan keberkesanan operasi di Laut China Selatan dan perairan Sabah Timur. Pemerintahan dua wilayah ini bakal dilancarkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan pada hari ini, 27 April 2017 di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu. Pemerintahan dwi wilayah ini juga membuktikan komitmen kerajaan dalam memastikan tahap keselamatan perairan Sabah dan Sarawak sentiasa terjamin.

12. **Ketiga: TERAS KEBAJIKAN.** Sumber manusia merupakan nadi penggerak sesebuah organisasi. Pembangunan modal insan yang dinamik serta usaha kearah meningkatkan kesejahteraan kualiti hidup adalah sangat penting dalam memastikan kebajikan warga *The Navy People* sentiasa terjaga. TLDM amat bertuah kerana Yang Berhormat Menteri Pertahanan memberi perhatian yang serius dalam menentukan aspek kebajikan warga dan veteran Angkatan Tentera Malaysia amnya, dan Tentera Laut Diraja Malaysia khususnya. Yang Berhormat Menteri Pertahanan telah memperkenalkan 10 inisiatif besar di bawah Teras Kebajikan ini

yang merangkumi aspek-aspek kritikal termasuk pendidikan, program perumahan, perkhidmatan sosial dan bantuan sosial, pemantapan kerohanian serta pembangunan ekonomi dan peluang ekonomi. Aspirasi saya adalah segenap peringkat *The Navy People* dapat mengambil manfaat daripada inisiatif ini

13. Antara inisiatif yang diperkenalkan adalah Projek Feri Sekolah yang telah diteruskan lagi pada tahun 2017 ini. **Seramai 1,146 anak-anak *The Navy People* yang tinggal di Rumah Keluarga TLDM, sewaan kelompok dan perumahan sewaan kerajaan sedang menikmati kemudahan ini.** Secara tidak langsung, kemudahan ini banyak membantu dari segi **mengurangkan perbelanjaan dan pengurusan pengangkutan anak-anak *The Navy People* yang bersekolah.** Selain itu, pada awal Mac 2017, Kementerian Pertahanan telah meluluskan peruntukan bagi menggantikan peralatan serta melaksanakan kerja-kerja senggaraan dan pembaikan rumah keluarga yang rosak. **TLDM telah menerima peruntukan sejumlah RM1.95 juta** bagi tujuan memastikan kesejahteraan hidup *The Navy People*.

14. **Keempat: TERAS DIPLOMASI PERTAHANAN.** Diplomasi pertahanan telah terbukti menjadi satu pendekatan yang sangat praktikal dan berupaya menyumbang kepada keharmonian hubungan negara di peringkat global. Sesi forum, dialog serta mesyuarat di peringkat dua hala, serantau dan antarabangsa bukan sahaja telah banyak membantu negara dalam penyelesaian isu-isu

dengan negara luar, malah turut membantu negara dalam industri pertahanan. Kerjasama ini juga secara tidak langsung membantu negara agar dapat terus meningkatkan pertumbuhan ekonomi agar lebih berdaya saing dan memberi manfaat dalam perolehan serta pemindahan teknologi aset-aset strategik pertahanan.

15. Sehubungan dengan itu, **TLDM** seharusnya mengambil langkah-langkah bagi **memastikan diplomasi pertahanan bersama tentera laut negara sahabat dapat terus diperkasakan**. Platform interaksi bilateral dan multilateral dalam bentuk ekseseis, dialog, seminar dan persidangan seharusnya digunakan dengan sebaik mungkin bagi meningkatkan pengetahuan, kepakaran serta tahap profesionalisme *The Navy People*.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

16. TLDM telah melaksanakan perjumpaan bersama pihak pembekal dan kontraktor yang berurusan dengan TLDM dalam sesi Perjumpaan *Navy Townhall*. Kita telah menerima **maklum balas yang positif daripada pihak pembekal dan kontraktor atas keterbukaan dan ketelusan yang diamalkan TLDM**. Inisiatif ini diwujudkan bagi memastikan kedua-dua pihak dapat melaksanakan tugas masing-masing dengan penuh kejujuran, ikhlas, bertanggungjawab dan professional. Disamping menyumbang kepada industri pertahanan negara, pihak pembekal dan kontraktor disaran agar berani melaporkan salah laku dan penyelewengan

yang boleh merugikan negara. **Segenap lapisan *The Navy People* juga perlu meningkatkan jatidiri dan integriti masing-masing agar tidak terjerumus ke kancah rasuah yang boleh merosakkan diri, keluarga serta negara.** Bekerjalah dengan penuh kejujuran dan keimanan, pasti Tuhan akan memberi anugerah yang setimpal dengan pengorbanan anda semua.

The Navy People yang saya kasihi sekalian,

17. Saya ingin menekankan bahawa ***The Navy People* adalah nadi penggerak TLDM.** Tanpa anda semua ***The Navy People*, segala inisiatif, aset-aset dan infrastruktur malah organisasi TLDM sendiri tidak dapat berfungsi sama sekali.** Dalam mengharungi arus cabaran semasa ini, saya ingin menyeru kepada segenap lapisan *The Navy People* agar keluar dari kelompok pemikiran "**Perkara yang tidak pernah dilakukan adalah mustahil untuk dilaksanakan**". Segala perancangan dan permasalahan memerlukan pemikiran yang rasional, kreatif dan inovatif untuk berjaya. Jangan terlalu cepat berputus asa dan menyerah kalah kerana pemikiran yang cetek serta tanpa sebarang usaha. Program Transformasi 15to5 merupakan satu contoh yang terbaik dan boleh dijadikan penanda aras (benchmark) bahawa setiap perancangan boleh dilakukan dengan syarat ianya perlu disusuli dengan usaha yang gigih serta pemikiran yang kreatif dan inovatif. Di sebalik kegawatan ekonomi dan peruntukan kewangan yang terhad, pelan transformasi armada ini masih boleh dilaksanakan dengan

melaksanakan dasar penjimatan efisien yang membolehkan perolehan aset-aset baru dapat direalisasikan.

18. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mantan-mantan Panglima tentera Laut serta veteran-veteran TLDM yang masih kami anggap sebagai warga TLDM atas segala jasa dan pengorbanan selama ini. Kami mendoakan agar semuanya sentiasa sihat dan mendapat kesejahteraan. Saya juga memohon veteran-veteran agar mendoakan semoga TLDM terus kekal cemerlang dalam segenap aspek untuk tahun-tahun mendatang. Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada pegawai-pegawai kehormat TLDM yang sentiasa memberikan sokongan dan bantuan dalam meningkatkan imej TLDM serta kerana berbangga menjadi sebahagian daripada warga TLDM. Akhir sekali, saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh warga *The Navy People* atas khidmat cemerlang dan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada TLDM. Marilah kita sama-sama memasang tekad untuk memastikan program transformasi armada dapat dilaksanakan mengikut perancangan agar armada TLDM kekal kredibel dan mampu menggalas tugas yang diamanahkan sesuai agar ianya selari dengan tema Hari Ulangtahun TLDM Ke-83, **TLDM Siap Siaga Perairan Terpelihara!**

19. Sekian, saya sudahi ucapan dengan

وبالله التوفيق والحداية والسلام عليكم ورحمة وبركاته
'Sedia Berkorban'